




BUKU BERGAMBAR KANAK-KANAK DI MALAYSIA: SATU KAJIAN ESTETIKA

Kaithiri Arumugam, Rohaya Md Ali & Phat

(Universiti Utara Malaysia)

doi: <https://doi.org/10.33329/joell.6S1.16>

ABSTRACT



Kajian berkaitan estetik watak haiwan yang terdapat dalam sastera kanak-kanak di Malaysia, khususnya yang terdapat dalam buku kanak-kanak. Pengkarya-pengkarya moden seperti Siti Zainon Ismail, Khadijah Hashim, Yusof Gajah dan Mahaya Mohd Yasin telah menghasilkan buku kanak-kanak yang mempunyai nilai estetik dan keunikan yang tersendiri. Buku bergambar ialah buku yang mengandungi teks dan visual. Teks dan visual merupakan ciri yang penting bagi buku bergambar. Dalam sastera kanak-kanak juga terdapat aspek-aspek sastera yang sama dengan aspek-aspek sastera yang digunakan dalam bidang kesusasteraan, namun sastera kanak-kanak berbeza dengan kesusasteraan dari konteks sejarah dan hubungan sosial. Hal ini bermaksud walaupun sastera kanak-kanak berbeza daripada kesusasteraan, ia tidak semestinya mudah atau rendah nilai artistik. Oleh itu, sastera kanak-kanak mempunyai unsur estetika yang tersendiri. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis hubungan yang wujud antara teks dan ilustrasi dalam teks kajian, mengenalpasti sifat rasa yang ada pada watak haiwan dalam genre sastera terpilih dan menggambarkan bahawa estetika bagi sastera kanak-kanak perlu dinilai daripada aspek yang berlainan dan tidak sama dengan aspek estetika dalam kesusasteraan umum. Buku bergambar yang dipilih dalam kajian ini ialah buku untuk kanak-kanak berumur tidak melebihi 12 tahun yang mempunyai watak haiwan yang bercakap atau watak haiwan yang mempamerkan sifat 'anthropomorphism'.

Kata kunci: *sastera kanak-kanak, estetika, anthropomorphism.*